

**BULETIN  
KALI INI:**

- Apakah itu 5S?
- Matlamat, Polisi, Objektif dan Strategi 5S
- Amalan 5S
- Renungkan...
- 7 Sebab Mengapa 5S Menjadi Begitu Popular

**EDISI  
IKHLAS  
DARI:**

**AJK Promosi  
(Jawatankuasa  
Induk 5S)**

Karen Chan  
Ngiik Ching

Simba anak Bau

Lee Kie Hie

Kevin Lau Meng  
Loong

James Amat  
Laing

Mohamad Azhar  
Bin Mohamad  
Yassin

Aaron Isaac  
Alxus

## APAKAH ITU 5S?

5S terdiri daripada lima perkataan dalam bahasa Jepun iaitu Seiri, Seiton, Seiso, Seiketsu dan Shitsuke yang bermaksud Sisih, Susun, Sapu, Seragam dan Sentiasa Amal.

5S merupakan satu amalan budaya dalam masyarakat Jepun. Amalan ini mula diperkenalkan di Singapura pada tahun 1986 dan telah diamalkan dengan jayanya di sana. Amalan ini kemudiannya dipraktikkan di Malaysia, Thailand, Korea, China, India, Indonesia, Sri Lanka, Russia, Hungary, Poland, Bulgaria, Columbia, Uruguay, Brazil, Costa Rica dan Mexico.

Program 5S adalah amalan asas ke arah peningkatan produktiviti dan kualiti yang berterusan.

## AMALAN 5S

### **Matlamat 5S**

Pengurusan persekitaran kerja yang lebih seragam dan sistematik.

### **Polisi 5S**

Mewujudkan perkhidmatan kesihatan berkualiti yang menyeluruh berdasarkan nilai-nilai perkhidmatan penyayang, kerja berpasukan dan profesionalisme serta mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif melalui amalan 5S.

### **Objektif 5S**

- Mewujudkan persekitaran yang kondusif.
- Mewujudkan semangat kerja berpasukan.
- Mewujudkan kesedaran tentang kepentingan dan faedah 5S di kalangan warga kerja Hospital Bintulu.
- Memenuhi kepuasan pelanggan.
- Memupuk kesedaran dan menerapkan nilai-nilai murni dalam perkhidmatan.

### **Strategi**

- Pemantauan yang berterusan dalam menerapkan budaya kerja 5S.
- Mengamalkan Amalan 5S untuk menghasilkan persekitaran yang cantik dan menarik.
- Bekerja dalam satu pasukan. Menjadikan Amalan 5S budaya kerja warga Hospital Bintulu.

# AMALAN 5S

## *SEIRI SISIH*

*Mengasingkan barang-barang yang tidak diperlukan di tempat kerja dan membuangnya.*

## *SEITON SUSUN*

*Susun barang-barang yang diperlukan dengan teratur supaya ianya mudah diambil untuk digunakan.*

## *SEISO SAPU*

*Bersihkan tempat kerja anda dengan rapi supaya tiada habuk di atas lantai, mesin dan perkakas.*

## *SEIKETSU SERAGAM*

*Memelihara taraf penjagaan kebersihan dan penyusunan tempat kerja yang tinggi pada setiap masa.*

## *SHITSUKE SENTIASA AMAL*

*Melatih pekerja mematuhi peraturan penjagaan kebersihan yang baik dengan sendirinya.*

## RENUNGAN...

Adakah kita selalu mengambil masa yang lama untuk mencari peralatan, perkakas dan sebagainya?

Pernahkah kita kehabisan stok bahan/alat ganti yang penting semasa hendak menggunakannya?

Pernahkan kita mendapati mesin/peralatan rosak ketika hendak menggunakannya?

Pernahkah kita kehilangan peralatan/dokumen/fail disebabkan tersalah letak atau ada orang lain meminjam tetapi tidak dapat dikesan?

Adakah anda pernah mengalami kesukaran atau mengambil masa yang lama untuk memindahkan barangan dari satu tempat ke satu tempat di dalam pejabat?

## 7 SEBAB KENAPA 5S MENJADI BEGITU POPULAR

1. Tempat kerja lebih bersih dan tersusun.
2. Pejabat dan tempat kerja menjadi senang dan selamat.
3. Hasil mudah dilihat oleh semua orang.  
(dalaman dan luaran)
4. Hasil ketara meningkatkan idea.
5. Semua orang berdisiplin secara semulajadi.
6. Semua orang bangga dengan tempat kerja yang bersih dan tersusun.
7. Keputusannya imej hospital meningkat.

**Luangkanlah sedikit masa setiap hari demi memastikan 5S sentiasa diamalkan di pejabat anda : 5 minit sebelum memulakan tugas di waktu pagi & 5 minit sebelum pulang selepas waktu kerja.**



**Anda Mampu Membawa Perubahan**